



Setempat Dunia Ekoniaga Sukan Berita Terkini Gah! Hidayah Soshiok Halal! Bahasa & Budaya Kembara Lain ▾

NTU kerjasama dengan firma keselamatan Sweden tubuh pusat penyelidikan teknologi digital

Oct 20, 2017 | 05:30 AM



TANDATANGANI MOU: Pemangku Provos (Pentadbir Akademik Kanan), Ketua Staf dan Naib Presiden Penyelidikan NTU, Profesor Lam Khin Yong (depan, kanan); dan Naib Presiden Kanan dan Ketua Pegawai Strategi Saab, Cik Ann-Kristin Adolfsson, bersama para pegawai lain selepas menandatangani MOU antara NTU dan Saab bagi kerjasama projek dan program penyelidikan dalam teknologi digital canggih. - Foto SAAB

UNIVERSITI Teknologi Nanyang (NTU) dan syarikat teknologi keselamatan Sweden, Saab, akan menuahkan sebuah pusat penyelidikan bersama sebagai sebahagian kerjasama membangunkan projek dan program penyelidikan dalam teknologi digital canggih.

Menurut kenyataan bersama NTU dan Saab, kerjasama itu adalah yang pertama di Asia bagi Saab.

Satu tumpuan utama pusat penyelidikan itu adalah pengurusan trafik udara dengan penyelidikan dalam bidang seperti kecerdasan buatan, keselamatan siber dan pembelajaran mesin.

Saab merancang membuat pelaburan awal sebanyak \$1.6 juta pada tahun pertama kerjasama itu.

Ini akan disusuli dengan pelaburan tahunan selama lima tahun atau lebih, yang kemudian dipadankan oleh NTU.

Satu memorandum persefahaman (MOU) telah dimeterai semalam.

Presiden NTU, Profesor Bertil Andersson, menjelaskan bahawa kerjasama itu adalah langkah penting bagi pihak Saab dan memberi isyarat jelas tentang fokus penyelidikan baru di Singapura dan Asia.

"NTU akan memanfaatkan kekuatan universiti ini dalam penyelidikan antara bidang dan menggabungkannya dengan kepakaran Saab dalam aeronautik dan teknologi pertahanan untuk membangunkan teknologi generasi seterusnya yang akan membawa manfaat kepada industri dan masyarakat," ujar beliau.

Sementara itu, Ketua Pegawai Teknologi Saab, Encik Pontus de Laval, berkata reputasi NTU yang semakin dikenali sebagai antara universiti utama di dunia telah mendorong Saab bekerjasama dengan NTU.

"Menerusi penyelidikan bersama, Saab akan dapat memanfaatkan pasaran Asia yang semakin penting dan berkembang di samping mendapatkan penglibatan antara penyelidik terkemuka di rantau ini dalam syarikat kami," kata Encik de Laval.

Di bawah kerjasama itu, Saab akan merekrut calon terbaik untuk menjalankan program kedoktoran mereka di NTU dengan melakukan kerja penyelidikan dan pengembangan (R&D).